



**KERAJAAN** Perlis bakal mengemukakan permohonan catuan bekalan air selepas paras air di Empangan Timah Tasoh, Kangar semakin berkurangan.



**PENDUDUK** di kawasan Hulu Langat merupakan daerah paling kritikal di negeri Selangor apabila sering mengalami gangguan bekalan ekoran lojinnya yang semakin kering.



**BEBERAPA** empangan yang makin menyusut di Kedah mendorong kerajaan negeri menghantar bekalan melalui lori tangki.

# Sumber air mentah di enam negeri semakin membimbangkan

Oleh **AZHAR AHMAD**

**KUALA LUMPUR** – Fenomena El Nino yang berlaku di negara ini sejak kebelakangan ini ternyata memberi impak besar kepada sumber air mentah di beberapa negeri.

Meskipun kebanyakan empangan masih lagi dalam keadaan terkawal, pengeluaran di beberapa loji rawatan air yang mengambil air mentah secara terus dari sungai telah berkurangan ekoran penurunan paras sungai.

Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dalam ke-

nyataannya semalam memberitahu, beberapa loji rawatan air (LRA) bersaiz kecil di Pahang, Kedah, Perlis, Perak, Selangor termasuk Johor tidak dapat menghasilkan jumlah air terawat seperti biasa.

Ketua Pegawai Eksekutif SPAN, Datuk Mohd. Ridhuan Ismail berkata, setakat ini, pihaknya hanya meluluskan permohonan Syarikat Air Johor Holdings dalam melaksanakan Operasi Bekalan Air Berjadual di dua



**MOHD. RIDHUAN**

daerah iaitu Kota Tinggi (bermula 18 April ini) dan Mersing (20 April ini).

Ujarnya, dua loji di LRA Gembut dan Lok Heng di Kota Tinggi dan LRA Sungai Mersing dan LRA Tenglu, Mersing mengalami pengurangan antara 12 hingga 19 peratus.

Situasi di **Pahang** juga serupa apabila LRA Lubok Kawah menurun daripada 99.9 juta liter sehari (JLH) kepada 92.2 JLH iaitu pengurangan sebanyak tujuh peratus.

Manakala LRA Jelai susut sebanyak 15 peratus daripada 16

JLH kepada 13 JLH; LRA Batu Sembilan pula berkurang pengeluarannya daripada 290,000 liter sehari kepada 190,000 liter sehari dan LRA Chini berkurang sebanyak 24 peratus kepada 12.5 peratus.

Di negeri **Kedah** pula, Mohd. Ridhuan berkata, impak cuaca panas memberi kesan kepada LRA Bukit Tupah, LRA Merbok dan LRA Gurun.

Penduduk di negeri **Selangor**, **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur** dan **Putrajaya** juga menerima tempias kepada cuaca yang kurang menyenangkan ini.

Mohd. Ridhuan memberitahu, LRA Selisik, Hulu Selangor mengalami kekurangan pengeluaran daripada 1.3 JLH kepada 0.9 JLH iaitu pengurangan sebanyak 31 peratus.

“Ekoran itu, kawasan Hulu Langat mengalami gangguan bekalan dari semasa ke semasa,” ujar beliau.

Sementara itu, di **Perlis**, ujarnya, Syarikat Air Perlis sedang memantau keadaan bekalan air di Empangan Timah Tasoh dan akan mengemukakan permohonan catuan bekalan air dalam masa terdekat.